



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Sinar Harian - Jangan Bergantung Wang KWSP

Sinar Harian - Jangan Bergantung Wang KWSP

Selasa, Apr 11 2017



Jangan bergantung wang KWSP



Rakyat jelata dinasihatkan agar jangan terlalu bergantung kepada wang simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk hari tua mereka.

Sebaliknya, apa yang lebih penting ialah mengamalkan sifat jimat cermat serta membuat simpanan ketika masih muda, dengan cara ini, mereka tidak akan rasa bimbang tiada cukup wang simpanan ketika bersara kelak.

Demikian pandangan Pengarah Urusan Cukai dan Kewangan Great Vision Advisory Group, James Tan bagi mengulas kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Shahril Ridza Ridzuan bahawa terdapat 64 peratus daripada ahlinya yang hanya mempunyai jumlah simpanan sebanyak RM50,000 atau kurang.

"Sekiranya seseorang selepas bersara mendapati simpanan wangnya tidak cukup untuk dibelanjakan, masa itu mungkin agak terlewat. Semua orang ketika masih muda dan masih mampu bekerja, sepatutnya sudah boleh merancang lebih awal bagaimana kehidupan mereka selepas bersara nanti.

"Mereka perlu pastikan tidak tanggung apa-apa hutang selepas bersara. Mereka juga boleh merancang dengan membeli hartanah sebagai pelaburan agar boleh mendapatkan bayaran sewa. Ia boleh digunakan sebagai pendapatan mereka selepas bersara," katanya kepada *China Press*.

Beliau turut menasihatkan golongan muda sama ada terlibat dalam perniagaan mahupun makan gaji, mereka perlu sentiasa meningkatkan prestasi kerja dan menambahkan ilmu.

"Dengan meningkatkan prestasi kerja dan menimba ilmu pengetahuannya dengan lebih banyak, sudah pasti ia akan menambahkan pendapatan mereka," jelasnya.

Peter hilang selepas diberi amaran

Bekas Ahli Majlis Petaling Jaya, Peter Chong didapati hilang tanpa dikesan sejak Rabu lalu.

Berita kehilangannya disahkan oleh anaknya sendiri, Darryl Chong seperti yang dilaporkan dalam *China Press*.

Peter yang juga bekas pembantu Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa, sebelum itu sempat memuat naik status di laman *Facebook*nya pada 31 Mac lalu, dengan memaklumkan seorang penunggang motosikal muda memberi amaran kepadanya supaya berhati-hati ketika beliau dalam perjalanan membeli sarapan.

"Dia kata kenal saya dan saya suka hadir protes dan majlis menyala lilin. Dia pun kata dia sokong apa saya lakukan kemudian beri amaran kepada saya agar 'hati-hati'..sekarang banyak orang tiba-tiba hilang. Mereka semua tahu mana orang tinggal.

"Saya tanya mereka itu siapa? Dia cuma kata, pandai-pandai la jaga diri bos...dan pergi meninggalk-

kan saya," tulis Peter dalam status terakhir di *Facebook*nya.

Selepas beberapa kali gagal menghubungi Peter, Darryl akhirnya buat laporan polis di Balai Polis Tun HS Lee, Kuala Lumpur, malam kelmarin.

Menurut Darryl, ayahnya memang biasa tidak balik rumah, tetapi jika dia tidak balik, dia akan menghubungi keluarga. Namun tidak pada kali ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Amar Singh Ishar Singh, mengesahkan telah menerima laporan berkenaan tetapi enggan mengulas lanjut.

Tony diminta jelas pendirian

Ahli Parlimen Petaling Utara, Tony Pua diminta menjelaskan pendirian Pakatan Harapan mengenai RUU 355 tanpa berdalih lagi.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Wee Ka Siong berharap Tony memberikan jawapan sama ada semua parti komponen dalam

Pakatan Harapan menyokong atau tidak mengenai RUU 355 yang dibentangkan Presiden Pas, Datuk Seri Abdl Hadi Awang di Dewan Rakyat, Jumaat lalu.

"Ketika Abdul Hadi membentangkan RUU 355, Tony yang hadir dalam sidang Parlimen ketika itu tidak pun bangun untuk membantah. Bukan itu sahaja, pada sebelah petang, ketika Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Takiyuddin Hassan membuat usul menyokong, Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dikesan tidak hadir dalam dewan," kata Ka Siong kepada *Sin Chew Daily*.

Ka Siong berpendapat, sebagai seorang ahli parlimen yang bertanggungjawab, Kit Siang dan Guan Eng sepatutnya berada di dalam dewan bagi menjelaskan pendirian mereka.

"Tony perlu memberikan penjelasan kenapa kedua-dua pemimpin DAP tidak berada di dalam dewan ketika Takiyuddin berucap," katanya.



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

- Perkhidmatan Atas Talian <
- Aplikasi Mudah Alih
- Laman Mikro <
- e-Penyertaan & Maklumbalas <
- Statistik & Prestasi <
- Pautan <
- Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

- 03-8000 8000
- 03-88823893 / 03-88823894
- pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **22 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

